

GEJALA AWAL BARAH PROSTAT

B/H 24/7/2011 MS 16.

SELEPAS bersara, Anuar (bukan nama sebenar) berharap dia akan dapat berehat secukupnya, tidur lebih nyenyak dan tidak lagi risau memikirkan masalah di tempat kerja, namun apa yang dilaluinya tidak lama selepas itu bukan seperti yang dihasratkan.

Saban malam, tidurnya kerap terganggu kerana selalu sangat membuang air kecil, sekejap-sekejap terpaksa ke bilik air. Ketika itu, tidak langsung timbul rasa risau dalam benak. Fikirnya semua itu berpunca daripada tabiatnya yang memang banyak minum air.

Namun pada usia lebih 55 tahun, Anuar sewajarnya berasa risau kerana kerap membuang air kecil adalah antara gejala awal barah prostat. Simptom lain adalah berasa sakit dan gagal mengawal ken-

cing, air kecil berdarah, sakit belakang dan paling menakutkan semua lelaki, mati pucuk.

Prostat adalah kelenjar seks lelaki yang menghasilkan cecair pekat membentuk sebahagian air mani. Saiznya sebesar kacang dan ia berkedudukan di bawah pundi kencing. Jika diserang barah prostat, kesannya berlaku secara perlahan dan boleh merebak ke organ lain dan tisu termasuk tulang.


Simptom Benign Prostatic Hyperplasia (BPH) adalah tanda awal barah prostat. Ia juga dikenali Benign Prostatic Hypertrophy, pembesaran kelenjar prostat yang bersifat bukan kanser dan biasa dialami lelaki pada usia emas. Penyakit ini cukup dibimbangi kerana tanda dan gejala yang ditunjukkan sukar untuk mengesahkannya.

Tanda yang biasa tidak eksklusif merujuk kepada BPH kerana ia lebih kurang sama dengan gejala penyakit bahagian urinari bawahan lain seperti kanser pundi kencing, batu karang, jangkitan sistem urinari, kanser prostat dan jangkitan prostat.


Gejala bersifat penghalang pula termasuk aliran kencing lemah, kencing dalam keadaan tertekan, teragak-agak untuk kencing (sukar untuk memulakan), rasa tidak puas dan aliran yang tersekat.

Pesakit juga akan berasa gesaan untuk kencing atau desakan untuk kencing lebih kerap lagi. Bagaimanapun, gejala berbeza-beza mengikut keadaan pesakit.

Antara diagnosis yang dilakukan ialah Digital Rectal examination (DRE)



Prostat normal



Prostat membesar

di mana doktor memasukkan jari ke dalam rektum pesakit. Kelenjar yang membesar bersifat lembut dan licin adalah disebabkan oleh BPH. Kelenjar yang keras dan berbintil menunjukkan jangkitan atau kanser pada prostat. Selain DRE, ujian darah akan dilakukan untuk

mengesan tahap Prostatic Specific Antigen (PSA). Barah prostat sebenarnya banyak dipengaruhi faktor genetik dan pemakanan. Jika ibu anda menghidap barah payudara atau bapa menghidap barah prostat, maka anda berisiko besar turut diserang penyakit

yang sama dengan bapa anda. Faktor lain ialah pemakanan. Pemeriksaan dan pengeasan awal boleh membantu pesakit dalam mencari rawatan terbaik atau sekurang-kurangnya memperlambatkan pertumbuhan penyakit berkenaan.